

05 MAY 2002

MCA-Ling/I

LEBIH 90 PERATUS BAHAGIAN MCA BERIKRAR TIDAK ADAKAN PERTANDINGAN

KUALA LUMPUR, 5 Mei (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata lebih 90 peratus daripada 166 Bahagian MCA berikrar akan mengekalkan status quo dalam kepimpinan parti dan tidak akan mengadakan pertandingan bagi merebut jawatan.

Katanya rundingan sedang diadakan agar tujuh bahagian lagi bersetuju mengekalkan status quo dalam kepimpinan parti itu.

"Kami perlu berbincang dengan tujuh bahagian ini supaya mereka menerima rancangan damai yang digariskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Institut Persijilan bagi Pendidikan Awal Kanak-kanak (CECE) di sini.

Instutut yang dibiayai oleh Yayasan Pendidikan Huaren itu ditubuhkan pada 1993 bagi melatih tenaga pengajar pendidikan awal kanak-kanak di seluruh negara.

Dr Ling berkata ketujuh-tujuh bahagian itu sedang mencari penyelesaian sesama mereka untuk mematuhi arahan Jawatankuasa Pusat, badan pembuat keputusan parti itu, supaya mengekalkan status quo di semua peringkat parti.

Dr Mahathir telah mengesyorkan agar MCA melaksanakan agenda damai dan kestabilan bagi menyelesaikan perselisihan faham antara puak dalam parti itu yang masing-masing dipimpin oleh Dr Ling dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek. Jawatankuasa tersebut bersetuju menerima rancangan damai itu yang menuntut agar semua jawatan parti tidak dipertandingkan sehingga 2005.

Dr Ling berkata terdapat beberapa bahagian yang menghadapi masalah untuk memenuhi rancangan damai itu seperti kematian penyandang jawatan pengerusi dan perletakan jawatan.

Katanya beliau yakin bahagian-bahagian terbabit mampu mencari penyelesaian melalui semangat tolak ansur.

Ditanya tentang keadaan pengerusi Pemuda MCA negeri yang tidak boleh mengekalkan jawatan masing-masing kerana melebihi had umur 45 tahun, beliau berkata mereka yang terlibat akan diberikan peranan untuk membolehkan mereka menyumbang kepada parti.

"Ada antara mereka masih menjadi pengerusi bahagian, sesetengahnya anggota exco. Ada banyak cara untuk menyumbang," katanya.

Ditanya tentang lebih 300 anggota perwakilan yang akan menghadiri perhimpunan agung parti itu kali ini berbanding tahun lepas, Dr Ling berkata jawatankuasa pemandu akan memutuskan siapakah yang akan dibenarkan menjadi anggota perwakilan.

Ketua Wanita MCA Datuk Ng Yen Yen berkata hanya empat daripada 166 bahagian wanita yang terdapat di seluruh negara menghadapi masalah untuk mengekalkan status quo kerana beberapa sebab seperti kematian penyandang jawatan.

Katanya, secara keseluruhan, pergerakan itu tidak menjangka menghadapi banyak masalah kerana sebahagian besar bahagian menyambut baik agenda damai dan kestabilan yang disyorkan oleh Perdana Menteri.

Jawatankuasa Pusat MCA telah menetapkan 10 Mei sebagai hari penamaan calon dan 14 Mei sebagai tarikh pemilihan wanita dan pemuda bahagian manakala 15 Mei sebagai tarikh pemilihan peringkat bahagian.

-- BERNAMA

AT ZS JK SP MAI